

23 MAR 2001

Osu-Injunksi

KERAJAAN SABAH AKAN POHOH KETAPI PERMOHONAN INJUNKSI

KOTA KINABALU, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan bagi mengetepikan permohonan injunksi oleh tiga ahli perniagaan semalam yang meminta mahkamah menghalang Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai daripada menyempurnakan upacara angkat sumpah Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata beliau telah mengarahkan Pejabat Peguam Besar Negeri semalam supaya mengumpul segala maklumat yang diperlukan untuk membolehkan kerajaan memfailkan permohonan bagi mengetepikan permohonan injunksi berkenaan.

"Kita akan buat apa yang ada dalam kemampuan untuk mempertahankan keputusan (pelantikan Chong) yang telah dibuat," katanya.

Osu yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah menyatakan demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya dari ibu negara hari ini.

Semalam, tiga ahli perniagaan dari Kota Belud -- Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang -- memohon injunksi untuk menghalang Sakaran daripada melantik Chong sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Ketiga-tiga plantif menamakan Sakaran sebagai defendan pertama dan Chong sebagai defendan kedua.

Dalam afidavit mereka, mereka berhujah antara lain bahawa pelantikan Chong, Presiden Parti Demokratik Liberal (LDP) ke jawatan Ketua Menteri melalui sistem penggiliran adalah tidak sah dan salah di sisi undang-undang.

Bahagian I Fasal 6 (3) Perlembagaan Negeri menyatakan bahawa pelantikan Ketua Menteri harus dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah.

Mereka mendakwa bahawa pada 16 Mac Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaklumkan melalui media massa yang penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah akan dikekalkan dengan sedikit perubahan.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa Chong akan mengambil alih jawatan itu daripada Osu.

Ketiga-tiga mereka juga berhujah bahawa pelantikan Chong tidak selaras dengan peruntukan Perkara 6 (7) Perlembagaan Negeri yang mensyaratkan seseorang ketua menteri itu mestilah seorang pemimpin parti politik dan juga anggota Dewan Undangan Negeri yang memperolehi keyakinan majoriti anggota dewan.

Mengenai sistem penggiliran, Osu berkata Umno Sabah menerima keputusan untuk meneruskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri walaupun sebelum ini beberapa pihak dalam Umno Sabah telah merayu agar sistem itu tidak diteruskan.

Katanya, barisan kepemimpinan Umno negeri akan pergi ke peringkat akar umbi untuk menjelaskan keputusan itu kepada anggota Umno.

Sementara itu Ketua Penerangan Umno Sabah Datuk Karim Ghani berkata permohonan injunksi oleh ketiga-tiga ahli perniagaan itu semalam tiada kena-mengena dengan parti itu.

"Tindakan itu dibuat atas kapasiti peribadi mereka...kita tidak tahu-menahu tentang perkara ini," kata beliau kepada pemberita pada persidangan berita di ibu pejabat Badan Perhubungan Umno, dekat sini hari ini.

-- BERNAMA

HAK NT NMO